

03/12/2003

Felda hadapi realiti bersaing syarikat lain

Datuk Salleh Majid

KEPUTUSAN kerajaan menengguhkan penyenaaraan Felda Holdings Sdn Bhd (Felda Holdings) adalah suatu langkah yang wajar. Sesuatu usaha untuk menyenaraikan sesebuah syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mengambil masa lebih kurang enam bulan.

Pengumuman penyenaaraan Felda Holdings dibuat oleh Perdana Menteri sebelum ini, Tun Dr Mahathir Mohamad di Parlimen ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen, September lalu.

Ketika itu, aktiviti yang lazimnya dilakukan untuk sebarang penyenaaraan belum lagi bermula. Oleh itu, jika sasaran awalnya untuk disenaraikan sebelum tahun baru, kemungkinan ia tidak dapat dilakukan berdasarkan amalan kelaziman penyenaaraan kerana masa yang diberikan terlalu singkat.

Saiz Felda yang memiliki hampir 600,000 hektar ladang termasuk yang dimiliki peneroka menjadikannya syarikat perladangan terbesar di dunia. Dengan jumlah anak syarikat dan syarikat sekutu sebanyak 45 buah dan anggota kerja 25,000 orang, potensi syarikat itu menarik pelabur asing tinggi sekali.

Bagaimanapun, Felda akan menghadapi realiti bersaing dengan syarikat perladangan lain yang sudah tersenarai seperti IOI, Golden Hope, Sime Darby dan Guthrie. Pengeluaran Felda akan dibandingkan dengan yang lain dan apabila tersenarai, pemegang saham sama ada individu atau institusi, tempatan atau asing akan sentiasa membuat penilaian syarikat.

Oleh itu, ketelusan operasi menjadi satu daripada keperluan bagi masyarakat pelabur. Malah, prestasi syarikat perlu diumumkan setiap tiga bulan.

BSKL memang memerlukan lebih banyak syarikat besar seperti Tenaga Nasional, Telekom Malaysia dan Sime Darby kerana permintaan daripada pelabur asing, terutama pelabur institusi. Dengan tersenarainya Felda Holdings, sebuah lagi syarikat perladangan utama di negara ini, imej bursa saham kita yang unggul dalam sektor perladangan akan terus kekal.

Pendedahan maklumat yang boleh mempengaruhi harga dan jumlah dagangan dari semasa ke semasa adalah satu ciri penting syarikat tersenarai. Ini meliputi maklumat mengenai penjualan, pembelian aset, pengambilalihan, penggabungan, penyertaan dalam sesuatu perniagaan baru, penyusunan semula dan maklumat lain yang dianggap penting.

Penyenaaraan ini juga membuka peluang untuk keusahawanan menjadi subur kerana banyak peluang untuk membekalkan pelbagai jenis keperluan sebuah ladang yang besar. Ini termasuk barangan seperti baja, peralatan jentera kilang memproses, pengangkutan dan pelbagai jenis perkhidmatan yang mungkin tidak disediakan oleh anak syarikat Felda.

Setakat ini, kita mungkin tidak tahu jenis budaya kerja Felda dan kumpulan syarikatnya. Kalau sudah sedia berorientasikan swasta, tidak banyak perubahan yang perlu dilakukan. Kalau sebaliknya bermakna penghijrahan ke arah budaya kerja swasta perlu dilakukan secara berperingkat bermula dengan pengurusan atasan.

Daya pengeluaran sesebuah organisasi tertakluk kepada sumbangan sumber manusianya. Keuntungan yang diperoleh Felda tidak boleh tidak akan dibandingkan dengan keuntungan ladang lain yang lebih kecil. Indeks produktiviti akan kerap dijadikan petunjuk untuk mengetahui kedudukan hasil setiap hektar dan sebagainya.

Jika Felda ingin mengambil pendekatan berorientasikan ke arah pemasaran, ini bermakna kehendak dan kepuasan pengguna menjadi fokus utama

menghasilkan apa yang dikehendaki pasaran, bukan hanya menghasilkan apa yang mampu.

Takrif persaingan bukan lagi terbatas dari segi barangan atau produk yang sama, tetapi merangkumi jenis barangan yang memenuhi keperluan sama. Misalnya, kelapa sawit dengan kacang soya dan dalam hasil hiliran seperti minyak masak bersaing dengan minyak jagung. Malah, persaingan datangnya bukan dari dalam negeri saja, tetapi juga luar negara.

Di samping itu, penyelidikan dalam pelbagai aspek juga begitu penting demi memastikan kelangsungan syarikat.

Selain kepentingan pekerja perlu dikaji jika orientasi syarikat berubah, kebajikan peneroka juga wajar diberi perhatian sebagai tanggungjawab sosial Felda. Lagi pun, banyak urusan perniagaan yang dikendalikan Felda hari ini adalah untuk ladang milik peneroka selain milik Felda Holdings yang sebahagiannya dimiliki peneroka melalui Koperasi Peneroka Felda.

Walaupun bukan semua anak peneroka tersadai tanpa haluan, sesuatu yang berfaedah perlu difikirkan supaya tenaga muda ini tidak terbuang begitu saja. Kegiatan berfaedah untuk remaja yang boleh mendatangkan makna kepada hidup mereka perlu diwujudkan. Bagi mereka yang ingin berniaga, bimbingan hendaklah diberikan.